

Jangan putar belit kutipan tol – Samy Vellu

KUALA LUMPUR 22 Mac – Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu mengingatkan semua pihak supaya tidak memutarbelitkan kenyataan bertulisnya di Parlimen baru-baru ini mengenai jumlah kutipan tol sebanyak RM23.65 bilion oleh 19 syarikat konsesi lebuhraya.

Beliau yang tampil memberi penjelasan hari ini menegaskan bahawa semua syarikat pengendali tol tersebut perlu menampung kos untuk pelbagai perbelanjaan iaitu bayaran balik pinjaman bank serta faedah, kos untuk kerja-kerja menambahbaik, kos penyelenggaraan dan kos operasi.

Beliau berkata, bagi setiap ringgit yang dibayar oleh pengguna sebagai bayaran tol, 40 hingga 50 peratus adalah untuk bayaran balik pinjaman daripada institu-

si kewangan.

“Sebanyak 15 hingga 25 peratus digunakan untuk perbelanjaan kerja-kerja menambahbaik manakala 25 hingga 45 peratus untuk membiayai kos penyelenggaraan dan kos operasi.

“Syarikat-syarikat konsesi juga perlu menanggung kos penyelenggaraan yang tinggi seperti menurap jalan secara berkala selain kos penyelenggaraan harian,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Dalam jawapan bertulisnya kepada soalan **Teresa Kok (DAP-Seputeh)** di Dewan Rakyat kelmarin, Samy Vellu mendedahkan bahawa 19 lebuhraya di seluruh negara mengutip tol berjumlah RM23.65 bilion sehingga akhir tahun lalu, dengan Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) mencatat

UM-23/3/2007
kutipan tertinggi sebanyak RM15.91 bilion.

ia diikuti Jambatan Pulau Pinang sebanyak RM1.7 bilion; Lebuhraya Utara Selatan-Hubungan Tengah (Elite) RM1.05 bilion; Lebuhraya Shah Alam (Kesas) RM990 juta; Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) RM970 juta dan Lebuhraya KL-Karak RM780 juta.

Secara keseluruhan, Samy Vellu berkata, kesemua 19 syarikat konsesi lebuhraya yang beroperasi membelanjakan RM492 juta setahun atau RM41 juta sebulan untuk kerja-kerja penyelenggaraan.

“Sebagai contoh, PLUS memerlukan RM27.83 juta sebulan atau RM330 juta setahun untuk penyelenggaraan,” ujarnya.

PLUS juga, kata beliau, terpaksa berbelanja RM1.04 bilion untuk melebarkan be-

berapa bahagian Lebuhraya Utara-Selatan daripada dua lorong kepada tiga lorong.

“Jambatan Pulau Pinang juga sedang menjalani proses pelebaran daripada dua kepada tiga lorong dan ia memerlukan syarikat konsesi mengambil pinjaman tambahan daripada bank,” katanya.

Beliau berkata, syarikat konsesi yang lain turut tidak terkecuali seperti LITRAK yang bertanggungjawab membina dan menyelenggara Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP).

“Kerajaan telah meminta syarikat tersebut membina enam persimpangan bertingkat untuk mengurangkan kesesakan jalan raya dengan kos RM400 juta yang ditanggung sepenuhnya oleh LITRAK,” tambahnya.